

Nama : _____

Tarikh: _____

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.



Pada hari Sabtu yang lepas, sekolah Amira mengadakan acara sukaneka. Sukaneka itu disertai oleh murid Tahun Satu, Dua dan Tiga sahaja. Amira turut mengambil bahagian dalam acara meniup belon. Kumpulan Amira berjaya mendapat tempat pertama dalam acara tersebut.

Guru Besar menyampaikan hadiah kepada pemenang. Sebelum pulang, semua murid menikmati jamuan ringan di kantin.

Amira pulang ke rumah dengan perasaan gembira. Dia ingin menunjukkan hadiah tersebut kepada ibu bapanya.

1. Apakah acara yang diadakan di sekolah Amira?
Acara yang diadakan di sekolah Amira acara _____.
2. Siapakah yang menyertai acara sukaneka itu?
Acara sukaneka itu disertai oleh _____.
3. Apakah acara yang disertai oleh Amira?
Amira menyertai acara _____.
4. Siapakah yang menyampaikan hadiah?
Hadiah disampaikan oleh _____.
5. Bagaimanakah perasaan Amira?
Perasaan Amira sungguh _____.